

# Penyelesaian hebat untuk penuhi matlamat kehidupan



**Great Eastern Takaful Berhad**  
Dana-dana Berkaitan Pelaburan

Laporan Tahunan  
31 December 2023



# KANDUNGAN

- |    |  |    |   |
|----|--|----|---|
| 03 | Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif      | 23 | Laporan Juruaudit Luar                            |
| 04 | Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti | 26 | Penyata-penyata Aset dan Liabiliti                |
| 07 | Objektif-objektif Dana                 | 27 | Penyata-penyata Pendapatan dan Perbelanjaan       |
| 08 | Ulasan dan Prospek Pelaburan           | 28 | Penyata-penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih |
| 12 | Prestasi Dana 2023                     | 29 | Nota kepada Maklumat Kewangan                     |
| 14 | Parbandingan Prestasi Dana             |    |   |
| 21 | Penyata oleh Pengurus                  |    |   |
| 22 | Laporan Jawatankuasa Syariah           |    |   |



# PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

**Pemegang Unit Yang Dihormati,**

**Tahun 2023 merupakan satu tahun yang mengujakan dan penuh inspirasi buat kami di Great Eastern Takaful. Berpegang teguh kepada matlamat untuk saling membantu mereka yang memerlukan, kami kekal yakin dalam menyediakan perlindungan kewangan dan kesihatan yang komprehensif kepada masyarakat di samping mengutamakan keperluan para pelanggan dalam setiap perkara yang kami lakukan.**

Kami sentiasa berusaha untuk Mencapai Kejayaan melangkaui matlamat kami dalam apa jua cara terutamanya untuk memperkasakan komuniti ketika berhadapan dan seterusnya menangani situasi sosio-ekonomi yang mencabar melalui penyediaan penyelesaian takaful jangka panjang yang kompetitif, meningkatkan pendigitalan, mempelbagaikan saluran pengedaran dan meneguhkan jalinan kerjasama sepanjang tahun.

FY23 sekali lagi memperlihatkan prestasi kewangan yang stabil walaupun berdepan dengan ketidakpastian dalam landskap makroekonomi. Kejayaan dalam melaksanakan strategi pelaburan pada permulaan tahun menunjukkan peningkatan ketara Dana i-Makmur yang merekodkan pulangan pelaburan sebanyak 7.21%, mengatasi penanda

aras (Deposit Mudharabah 12-bulan) yang mencatatkan 2.37%. Dana i-Majmuk pula menjana pulangan sebanyak 1.83% yang turut mengatasi penanda aras (wajaran 50% atas Deposit Mudharabah 12-bulan dan wajaran 50% atas Pulangan Indeks FBMS) yang menghasilkan pulangan 1.42%. Namun begitu, Dana i-Mekar mengakhiri tahun 2023 dengan penurunan sebanyak 0.84% di bawah penanda aras (FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah) yang turut mencatatkan aliran menurun sebanyak 0.46%. Dana berteraskan elemen kelestarian yang baharu diperkenalkan, i-Ekuiti Global merekodkan pulangan positif sebanyak 22.01% namun dilihat sedikit rendah berbanding penanda arasnya (Indeks MSCI ACWI Islamic (Shariah)) yang mencatatkan pulangan sebanyak 25.64%.

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (sambungan)

Melihat kepada dinamik pasaran ekuiti pada hari ini, landskap operasi kekal mencabar, dengan situasi ekonomi global yang tidak pasti. Dalam era sebegini, daya tahan, semangat dan strategi perniagaan kami yang inovatif memainkan peranan yang amat penting. Disokong oleh lebih 10,000 perunding takaful berdedikasi yang menyediakan perkhidmatan kepada lebih 1.8 juta pelanggan di seluruh negara, pendekatan perniagaan kami yang dipermodenkan ini telah menyaksikan pertumbuhan komersial yang lebih sihat. Kami mengekalkan fokus untuk mengembangkan perniagaan dengan lebih pantas agar dapat memenuhi keperluan pelanggan dan pelbagai cabaran yang dihadapi masyarakat.

### PERTUMBUHAN PERNIAGAAN TAKAFUL

Meraikan tahun ke-13 di dalam industri Takaful, kami terus mengukuhkan kedudukan dalam sektor ini dan menyumbang ke arah mengurangkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia. Dipacu oleh pendekatan perniagaan yang strategik iaitu keberanian untuk mencipta kelainan, kami telah diiktiraf sebagai Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta beberapa pengiktirafan berprestij lain seperti *Most Valuable Brand* serta Penganugerahan Jenama Paling Dihargai dibawah kategori Penyelesaian Takaful oleh The BrandLaureate BestBrands Awards dan tujuh anugerah lain di bawah Takaful Star Awards 2023 oleh Persatuan Takaful Malaysia termasuk memenangi kategori anugerah khas yang baharu diperkenalkan, *Value Based Intermediation for Takaful Award*.

Penawaran perlindungan kewangan dan kesihatan yang kami kekal kompetitif, dengan pengenalan pelan perlindungan hibrid baharu dengan pelan simpanan, i-Great Nova yang mana ia kekal sebagai salah satu produk agensi terbaik, di samping pelancaran rangkaian *rider*

pilihan yang menjadikannya sebagai salah satu penyelesaian takaful yang komprehensif untuk semua. Dalam usaha mengukuhkan kebolehpasaran produk, satu kolaborasi korporat telah dilaksanakan bersama Amanah Warisan Berhad (AWARIS) yang menawarkan perkhidmatan penulisan wasiat secara percuma melalui kempen taktikalnya, telah berjaya menggandakan bilangan pengisuan sijil dalam segmen pelanggan tertentu. Kempen dan strategi pelaksanaan turut dilancarkan bagi menyokong produktiviti agensi melalui program bersegi untuk perlindungan komprehensif, penambahan serta memenuhi keperluan simpanan.

Kerjasama bancatakaful kami kekal teguh dengan pelancaran DualPro-i, pelan takaful berkaitan-pelaburan baharu bertemakan kekeluargaan untuk OCBC Al-Amin melengkapkan rangkaian produk sedia ada dan terus ditambah baik melalui pelancaran *rider Hospitalisasi, Payor Protector dan Provider Protector* yang bertindak sebagai saranan perlindungan dan pengumpulan simpanan yang lebih baik. Pelanjutan MRTT dan GCFT kepada Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad (CBP) membentuk sebahagian daripada usaha kami untuk mengukuhkan dan meluaskan sistem edaran yang ada. Melangkah ke hadapan, kami menjangka usaha kolaborasi bersama Bank Islam Malaysia Berhad dalam menawarkan pelan takaful universal yang diperluaskan akan melonjakkan segmen perniagaan bancatakaful ke arah yang lebih baik. Selain itu, kami juga telah mencatatkan perkembangan yang sangat menggalakkan untuk mengukuhkan perniagaan takaful korporat terutamanya melalui Kempen Emas untuk Simpan SSPN Plus, satu kolaborasi strategik bersama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPN) yang menyaksikan purata TWC lebih tinggi berjaya direkodkan semasa separuh kedua tahun.

## Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif (sambungan)

### KELESTARIAN PERNIAGAAN UNTUK SEMUA

Memberi tumpuan kepada segmen berpendapatan rendah (B40), kami beriltizam untuk menjadi sebahagian penting daripada perjalanan perlindungan mereka agar dapat meringankan beban kewangan yang mereka hadapi seperti kemasukan hospital dan apabila mereka berhadapan dengan penyakit kritikal. Sebagai pengurus yang dilantik untuk mySalam, satu skim perlindungan kesihatan kebangsaan, sebanyak 193 program telah dianjurkan semasa Jelajah mySalam di seluruh negara dengan 142 kiosk beroperasi di hospital kerajaan yang berfungsi untuk menyediakan bantuan komuniti dari sudut penyerahan tuntutan. Pada 2023, lebih RM185 juta tuntutan telah dibayar dan 187,656 kelulusan tuntutan telah direkodkan. Disokong oleh produk mikrotakaful kami di bawah inisiatif Perlindungan Tenang yang dinamakan MikroSayang, kami dapat memperluaskan capaian perlindungan takaful kepada masyarakat Malaysia sebagaimana yang diaspirasikan oleh Bank Negara Malaysia.

Melaksanakan *Value Based Intermediation for Takaful* (VBIT), kami telah mengambil langkah ke arah kelestarian perniagaan dalam menjalankan tanggungjawab kami untuk melindungi alam sekitar dan memperkasakan komuniti setempat. Inisiatif perdana kami iaitu Projek GETB Upcycling telah menyaksikan perkembangan yang membanggakan, di mana kami berjaya meraih penglibatan lebih 3,000 individu yang merangkumi 16,206 jam latihan dengan 584kg bahan buangan plastik berjaya dikumpul untuk menghasilkan produk hasil semula. Projek ini memperkenalkan aktiviti hasil semula (*upcycling*) melalui taklimat kesedaran alam sekitar kepada para pelajar, entiti korporat dan komuniti dalam usaha untuk menangani isu pencemaran plastik. Satu lagi program perdana yang dilaksanakan secara berterusan bersama Kumpulan Ibu Bapa dan Sokongan Anak-anak Kanser (KIDS) membantu memberikan motivasi kepada kanak-kanak yang menghidap kanser agar dapat meningkatkan semangat dan keyakinan diri dalam menjalani rawatan dan pemulihan.

Dengan pendigitalan yang dipertingkatkan, pemasaran digital yang proaktif dan strategi komunikasi yang terkini, pelbagai kempen taktikal telah dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang takaful di samping menekankan saranan nilai, ditambah dengan peningkatan kecemerlangan pengoperasian kami, semuanya demi meningkatkan konsistensi dan daya saing dalam pasaran.

Tahun 2024 akan menjadi tahun yang lebih baik di mana kami akan terus berpegang teguh kepada komitmen untuk memberikan yang terbaik kepada semua pelanggan, rakan kerjasama pengedaran dan para pelabur. Bagi pihak Great Eastern Takaful, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan dan kepercayaan berterusan anda terhadap kami sebagai rakan takaful pilihan anda. Kami berharap untuk terus menerajui masa depan yang lebih mampan bersama anda.

Semoga Allah SWT melimpahkan petunjuk-Nya dalam semua perkara yang kita lakukan, Amin.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Bagi pihak Great Eastern Takaful Berhad,

**SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif

# JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET LIABILITI

## Ahli Jawatankuasa

**Shahrul Azlan bin Shahrman**  
(Pengerusi)  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Great Eastern Takaful Berhad

**Jasveen Kaur Marne**  
Ketua Pegawai Kewangan,  
Great Eastern Takaful Berhad

**Max Goh Khim Yao**  
Aktuari Yang Dilantik,  
Great Eastern Takaful Berhad

**Nik Ikhwan Nik Mahmood**  
Pengurus Kanan Portfolio - Saham,  
Pelaburan Ekuiti, Great Eastern Life  
(Malaysia) Berhad

**Leong Yu Ting**  
Penolong Naib Presiden,  
Pengurusan Risiko Kewangan,  
Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

**Nurul Sheila Khalib**  
Ketua, Pemasaran,  
Great Eastern Takaful Berhad

## Jawatankuasa Syariah

### Ahli Jawatankuasa

**Dr. Mohammad Firdaus  
bin Mohammad Hatta**  
(Pengerusi)  
(dilantik sebagai Pengerusi berkuatkuasa  
13 Disember 2022)

**Assoc. Prof. Dr. Siti Salwani  
binti Razali**  
(bersara pada 1 Julai 2023 kerana  
tamat tempoh)

**Dr. Muhammad Naim bin Omar**

**Dr. Muhammad Pisol bin Mat Isa**

**Dr. Nurul Aini binti Muhamed**

**En. Mohd Fadhly Bin Md Yusoff**  
(dilantik sebagai ahli berkuatkuasa  
1 Julai 2023)

**Dr. Ahmad Basri bin Ibrahim**  
(bersara pada 1 Januari 2023 kerana  
tamat tempoh)

## OBJEKTIF-OBJEKTIF DANA

**1**

### **Dana i-Makmur**

Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 100%) dan bakinya dilabur didalam deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, ia boleh juga dilaburkan didalam sekuriti Islam pendapatan tetap di luar negara (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan dana. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

---

**2**

### **Dana i-Mekar**

Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek, dan juga deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) bila dan jika perlu bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

---

**3**

### **Dana i-Majmuk**

Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit patuh Syariah. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.


---

**4**

### **Dana i-Ekuiti Global**

Sebuah dana yang melabur 90% hingga 100% daripada Nilai Aset Bersih (NAB) dalam portfolio antarabangsa ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang mempunyai potensi pertumbuhan yang baik. Baki NAB dana ini akan dilaburkan dalam aset cair Islam dan/atau akan dipegang secara tunai. Dana i-Ekuiti Global hanya melabur di dalam sekuriti patuh Syariah.

## ULASAN DAN PROSPEK PELABURAN



**“FBM KLCI mengakhiri tahun dengan pulangan sebanyak -2.7% namun pasaran lebih meluas merekodkan pulangan yang sedikit positif - FBM100 +0.6% manakala FBM Syariah +0.5%.”**

### Ulasan Pasaran Ekuiti 2023

Selepas mengharungi tahun 2022 yang amat mencabar di mana keadaan kewangan terus meruncing, inflasi yang tinggi, ketidakpastian politik dan keperluan pertumbuhan global menggugat sentimen pelabur, jangkaan pasaran meletakkan harapan yang tinggi bahawa 2023 akan menjadi lebih baik. Pembukaan semula sempadan China pada permulaan tahun memberikan sedikit keyakinan bahawa pembangunan di ekonomi kedua terbesar dunia tersebut akan menyediakan sokongan yang kukuh kepada pertumbuhan global pasca pandemik. Kestabilan di sektor perbankan global telah diuji pada awal Mac berikutan kejatuhan Silicon Valley Bank dan Signature Bank di AS, yang kemudiannya diikuti oleh penyelamatan sokongan-negara bagi Credit Suisse, di mana tindakan pantas telah diambil untuk mencegah perebakan. Kenaikan kadar faedah agresif oleh bank-bank pusat global berlanjutan pada 2023 dalam usaha untuk menurunkan inflasi di mana pihak Federal Reserve memulakan langkah dengan menaikkan kadar sebanyak 100bps. Ekonomi

China berdepan dengan kesukaran sepanjang tahun apabila sektor hartanah telah menggugat ekonomi dan pertumbuhan ekonomi masih perlahan. Sentimen terhadap pasaran ekuiti China juga turut negatif di mana dana-dana tempatan dan asing telah dijual secara agresif sebagai tindakbalas terhadap usaha kecil kerajaan China untuk menyediakan rangsangan ekonomi yang bakal dilaksanakan. Pengukuhan Dolar AS juga memberi kesan negatif ke atas mata wang Asia dengan berlakunya aliran keluar daripada kebanyakan pasaran ekuiti Asia. Di Asia Utara, pasaran Hong Kong dan China merekodkan prestasi terburuk di mana Indeks Hang Seng dan Indeks Hang Seng China Enterprise masing-masing mencatatkan pulangan sebanyak -8.8% dan -14.0%.

Di dalam negara pula, pilihan raya negeri yang dijalankan di Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu dan Kedah pada bulan Ogos menyaksikan keadaan sedia ada politik masih kekal apabila kerjasama Pakatan Harapan-Barisan Nasional berjaya membentuk kerajaan di negeri-negeri pantai barat seperti Pulau Pinang, Selangor dan Negeri Sembilan.



## Ulasan dan Prospek Pelaburan (sambungan)



**Kejatuhan Ringgit sebanyak 4.1% berbanding Dolar AS pada 2023 berikutan perbezaan kadar yang semakin besar antara A.S dan Malaysia telah meningkatkan pengukuhan Dolar A.S berbanding Ringgit.**

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), memberi penekanan kepada enam peringkat peralihan tenaga dan sepuluh projek pemangkin utama untuk meletakkan Malaysia sebagai negara rendah karbon. FBM KLCI mengakhiri tahun dengan pulangan sebanyak -2.7% namun pasaran lebih meluas merekodkan pulangan yang sedikit positif - FBM100 +0.6% manakala FBM Syariah +0.5%. Aliran keluar dana asing dapat dilihat hampir sepanjang 2023, dengan aliran keluar dari pasaran ekuiti Malaysia berjumlah RM2.3 bil bagi setahun lengkap.

### Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap 2023

Tahun 2023 adalah tahun yang positif untuk sukuk di seluruh dunia, berdasarkan jangkaan bahawa kitaran kenaikan kadar global telah hampir ke penghujung, walaupun berdepan ketidakpastian yang semakin meningkat. Pasaran sukuk global memulakan tahun dengan harga untuk kemelesetan selepas kenaikan kadar faedah yang agresif pada 2022. Apabila pertumbuhan ekonomi A.S dan global

kekal lebih mampan berbanding jangkaan, manakala inflasi pula belum mencecah paras yang disasarkan terutamanya untuk ekonomi maju, kitaran kenaikan kadar global pula masih berterusan, telah membawa kepada penilaian-semula harga di pasaran sukuk global bersandarkan naratif kadar lebih tinggi-untuk-lebih lama. Bagaimana pun, hasil sukuk global telah menurun menjelang akhir tahun atas jangkaan bank-bank pusat akan mengubah fikiran dan memulakan pemotongan kadar seawal 2024 memandangkan inflasi terus menurun manakala pertumbuhan pula menyederhana selepas melalui kenaikan kadar terkumpul sepanjang tempoh yang lalu.

Pihak Federal Reserve A.S (“Fed”) telah menaikkan kadar dasarnya kepada 5.50% pada Julai 2023, dengan jumlah kenaikan sebanyak 525bps sejak Mac 2022 untuk mengawal inflasi daripada melonjak. Hasil Perdendaharan A.S 10-tahun (“UST”), yang merupakan petunjuk kepada pasaran sukuk global mengakhiri tahun pada 3.88%, hampir di paras setara di mana ia bermula selepas mengalami pergerakan besar daripada paras terendah tahun pada 3.25% pada bulan April 2023. Kejatuhan pada bulan April 2023 ini berpunca daripada krisis kecairan bank-bank serantau A.S, namun pada bulan Oktober 2023 UST berjaya mencecah paras tertinggi bagi tahun pada 5.00%, dimangkin oleh data ekonomi A.S yang lebih baik-dari-jangkaan dan bekalan UST yang lebih banyak.

Sementara itu, Bank Negara Malaysia (“BNM”) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (“OPR”) pada 3.00% selepas kenaikan 25 bps pada bulan Mei 2023 apabila berkurangnya tekanan inflasi tempatan hasil pengawalan subsidi dan harga. Seiring dengan trend global, hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan (“GII”) menurun sebanyak 26 mata kepada 42 bps pada 2023 di mana hasil GII jangka panjang turun lebih banyak berbanding GII jangka pendek. Aliran dana masuk ke pasaran sukuk Malaysia berubah positif pada 2023 dengan pembelian bersih GII sebanyak RM10.6 bil (berbanding jualan bersih GII sebanyak RM4.3 bil pada 2022).

## Ulasan dan Prospek Pelaburan (sambungan)

Namun begitu, kejatuhan Ringgit sebanyak 4.1% berbanding Dolar AS pada 2023 berikutan perbezaan kadar yang semakin besar antara A.S dan Malaysia telah meningkatkan pengukuhan Dolar A.S berbanding Ringgit.

### Tinjauan Pasaran Ekuiti 2024

Pertumbuhan ekonomi global masih bergerak di bawah jajaran, namun keadaan semakin stabil. Pengeluaran masih mengalami pengecutan, dan kitaran teknologi global yang semakin baik masih belum memberi kesan kepada pemulihan yang meluas di sektor ini.

Sebaliknya pula, momentum perkhidmatan mengalami lantunan pada akhir 2023 apabila pasar buruh yang kukuh terus menunjang permintaan. Inflasi terus mengalami penurunan disebabkan oleh disinflasi harga barangan global dan kesan dasar tenaga yang menggalakkan. Walaupun keadaan sebegini amat memberangsangkan dan bermaksud bank-bank pusat dijangka akan selesai melakukan pengetatan, perkembangan selanjutnya ke atas inflasi perkhidmatan mungkin diperlukan sebelum kitaran pemotongan kadar boleh dilakukan. Isyarat terkini daripada Federal Reserve mengenai kelonggaran seterusnya yang bakal dilaksanakan telah mencetuskan harapan bahawa kadar sebenarnya telah memuncak dan ekonomi AS sedang menuju ke arah kejatuhan ringan,

**“Pertumbuhan pada tahun 2024 akan terus dipacu oleh perbelanjaan dalam negara yang mampan di mana pertumbuhan penggajian dan pekerjaan yang kukuh terus menyokong perbelanjaan isi rumah.”**

berdasarkan kejatuhan inflasi, pasaran buruh yang cergas, dan pertumbuhan yang berkekalan manakala pergolakan kadar faedah pula semakin berkurangan.

Sentimen berbanding ekuiti China pula kekal negatif, memberi ruang untuk kenaikan sekiranya langkah-langkah dasar yang meyakinkan bagi menyokong ekonomi terutamanya sektor hartanah akan diumumkan. Penilaian adalah menarik dengan nisbah harga-kepada perolehan dan harga-kepada-tempahan berada di paras terendah selama sepuluh tahun. Pelabur berharap dapat melihat lebih banyak tindakan tegas diambil untuk menyusun semula pasaran hartanah dan menantikan pelbagai pengumuman yang lebih memberangsangkan

Di ASEAN, inflasi yang menurun di seluruh rantau ini mencerminkan pertumbuhan yang lebih lemah, tetapi bukan merudum. Dengan pihak Fed memberi isyarat mengenai potensi kelonggaran yang bakal berlaku, tekanan susut nilai ke atas mata wang serantau juga semakin berkurangan, membolehkan bank-bank pusat serantau mengekalkan kadar-kadar dasar mereka dengan potongan kadar sebaik sahaja pihak Feds memulakan pemetongan kadar pertamanya. Unjuran untuk ekuiti ASEAN seharusnya lebih baik di masa hadapan apabila pergolakan yang berpunca daripada pengukuhan Dolar A.S mula berkurangan, manakala penilaian saham pula kelihatan menarik. Untuk Malaysia, ia akan menjadi tahun pelaksanaan rangka kerja makro yang dilancarkan pada 2023, serta tahun di mana hasil mula diperolehi, terutamanya dalam reformasi fiskal yang dijangka akan mengimbangi semula kunci kira-kira negara menjadi lebih kukuh.

### Tinjauan Pasaran Pendapatan Tetap 2024

Menurut OECD, sebuah badan antara-kerajaan, pertumbuhan global dijangka sedikit lemah, kepada +2.7% pada 2024 daripada anggaran asal +2.9%. Walaupun pertumbuhan ekonomi global adalah lebih kukuh berbanding jangkaan pada 2023, kesederhanaan jelas dapat dilihat dalam data ekonomi baru-baru ini, bersandarkan perdagangan global yang agak

## Ulasan dan Prospek Pelaburan (sambungan)

perlahan dan keadaan kewangan/kredit yang ketat, digabungkan dengan kenaikan kadar terkumpul sejak 2022. Sungguhpun bank-bank pusat diberi mandat untuk mencegah ekonomi daripada mengalami kemelesetan teruk akibat dasar monetari yang berpotensi menjadi terlalu ketat, sebagai salah satu usaha bahu mengawal inflasi, pemasaan kitaran pemotongan kadar seterusnya masih tertakluk kepada trajektori pertumbuhan sebenar dan laporan inflasi. Kedua-dua keadaan ini akan terus dipengaruhi oleh perang berterusan di Rusia/Ukraine, di Timur Tengah, serta tekanan ekonomi di antara dua ekonomi terbesar dunia iaitu A.S dan China.




Unjuran untuk ekuiti ASEAN seharusnya lebih baik di masa hadapan apabila pergolakan yang berpunca daripada pengkukuhan Dolar A.S mula berkurangan, manakala penilaian saham pula kelihatan menarik. Untuk Malaysia, ia akan menjadi tahun pelaksanaan rangka kerja makro yang dilancarkan pada 2023, serta tahun di mana hasil mula diperolehi, terutamanya dalam reformasi fiskal yang dijangka akan mengimbangi semula kunci kira-kira negara menjadi lebih kukuh.

Di dalam negara pula, ekonomi Malaysia diramalkan akan berkembang sekitar 4% pada 2023 dan 4%-5% pada 2024. Pertumbuhan pada tahun 2024 akan terus dipacu oleh perbelanjaan dalam negara yang mampan di mana pertumbuhan penggajian dan pekerjaan yang kukuh terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Jangkaan pemulihan di sektor eksport Elektrikal & Elektronik (E&E) serta aktiviti pelancongan, dan pelaksanaan serta penerusan beberapa projek prasarana mega yang diumumkan pada 2022/2023 seharusnya memberikan sedikit sokongan ke arah pertumbuhan yang kukuh. Sementara itu, inflasi dasar dilihat telah berkurangan dan dijangka akan berada di antara purata 2.5% dan 3.0% pada 2023. Melangkah ke tahun 2024, walaupun inflasi dijangka masih boleh ditangani, kesan rasionalisasi subsidi dan penghapusan kawalan harga, masih tidak dapat dipastikan. Dengan pengurangan subsidi, kedudukan fiskal Malaysia dijangka akan memperbaiki defisit kepada 4.3% pada 2024, berbanding defisit 5.0% untuk 2023. Namun begitu, agensi penarafan antarabangsa akan terus memantau komitmen fiskal berterusan oleh Malaysia, dengan kepelbagaian perolehan selanjutnya di samping situasi politik di bawah kerajaan perpaduan semasa ketika semakan mereka yang berikutnya terhadap penarafan kerajaan Malaysia.

Unjuran pertumbuhan dalam negara yang mampan, dan potensi rasionalisasi subsidi berperingkat untuk memastikan tekanan inflasi terkawal mungkin membolehkan BNM mengekalkan OPR pada 3%, walaupun terdapat jangkaan bahawa bank-bank pusat lain terutamanya di ekonomi maju akan mengambil keputusan untuk beralih kepada kitaran monetari yang longgar pada 2024. Memandangkan pasaran sukuk Malaysia terus beralih kepada kitaran kadar faedah berikutnya seiring dengan situasi dalam negara, faktor luaran termasuk kitaran perdagangan antarabangsa, ketegangan geopolitik dan pergerakan hasil global, akan kekal menjadi pemacu utama kepada ekonomi dalam negara serta pasaran sukuk tempatan.


# PRESTASI DANA 2023

## Dana i-Makmur



- Dana i-Makmur
- Penanda Aras  
- 12 Bulan Kadar Deposit Mudharabah


## Dana i-Mekar



- Dana i-Mekar
- Penanda Aras  
- FTSE Bursa Malaysia Emas Syariah

Prestasi Dana 2023 (sambungan)


**Dana i-Majmuk**



— Dana i-Majmuk  
 — Penanda Aras Wajaran

Nota:  
 Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan  
 – Tanda Aras Wajaran 50% berat pada  
 Pulangan Deposit Mudharabah 12 bulan dan  
 50% berat pada Pulangan FBMS

**Dana i-Ekuiti Global**



— Dana i-Ekuiti Global  
 — Penanda Aras  
 – MSCI ACWI Islamic (Shariah) Index (USD)

# PERBANDINGAN PRESTASI DANA

## Dana i-Makmur

	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)
(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Sukuk Korporat & Instrumen										
pasar Modal Hibrid										
Pertanian & Pelombongan	1,005,760	0.66%	968,040	0.73%	-	-	-	-	-	-
Bahan Pembinaan/ Pembangunan	4,509,630	2.96%	4,513,875	3.39%	6,138,420	5.16%	6,298,185	5.83%	6,256,065	8.11%
Kewangan	10,201,290	6.69%	10,862,450	8.16%	5,981,660	5.02%	1,111,370	1.03%	22,138,735	28.73%
Lebuhraya	-	-	-	-	814,464	0.68%	835,680	0.77%	769,464	1.00%
Minyak & Gas	16,741,935	10.99%	15,991,005	12.02%	1,513,605	1.27%	-	-	-	-
Lain-lain	3,073,050	2.02%	3,021,660	2.27%	-	-	11,374,880	10.53%	-	-
Tenaga Kuasa	42,337,530	27.80%	36,970,182	27.77%	30,341,823	25.50%	37,775,316	34.97%	9,168,743	11.90%
Hartanah	-	-	5,114,900	3.84%	13,112,836	11.02%	2,842,060	2.63%	2,732,834	3.55%
Telekomunikasi	17,329,615	11.38%	10,022,465	7.53%	2,926,740	2.46%	3,102,720	2.87%	-	-
Pengangkutan	1,305,804	0.86%	1,263,108	0.95%	5,624,140	4.73%	1,408,968	1.30%	1,352,424	1.76%
Utiliti	19,385,574	12.73%	16,833,480	12.66%	15,147,150	12.73%	-	-	-	-
	<b>115,890,188</b>	<b>76.09%</b>	<b>105,561,165</b>	<b>79.32%</b>	<b>81,600,838</b>	<b>68.57%</b>	<b>64,749,179</b>	<b>59.93%</b>	<b>42,418,265</b>	<b>55.05%</b>
Aset berisiko rendah										
Terbitan Kerajaan	20,546,791	13.49%	4,294,700	3.23%	17,841,090	14.99%	33,490,000	30.99%	17,537,020	22.76%
Deposit dengan institusi										
kewangan Islam	12,000,000	7.88%	20,180,000	15.17%	17,700,000	14.87%	8,300,000	7.68%	15,600,000	20.25%
Tunai dan baki bank	12,422,886	8.16%	74,301	0.06%	195,991	0.16%	771,186	0.71%	439,518	0.57%
Lain-lain asset/(liabiliti)	(8,565,481)	-5.62%	2,952,851	2.22%	1,657,715	1.40%	743,596	0.69%	1,056,241	1.37%
Jumlah	<b>152,294,384</b>	<b>100.00%</b>	<b>133,063,017</b>	<b>100.00%</b>	<b>118,995,634</b>	<b>100.00%</b>	<b>108,053,961</b>	<b>100.00%</b>	<b>77,051,044</b>	<b>100.00%</b>

## Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

## Dana i-Makmur (sambungan)

	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	<b>152,294,384</b>	-	133,063,017	-	118,995,634	-	108,053,961	-	77,051,044	-
(III) Bilangan Unit	<b>71,953,591</b>	-	67,565,773	-	62,111,073	-	55,376,584	-	43,440,902	-
(IV) NAV setiap unit	<b>2.117</b>	-	1.969	-	1.916	-	1.951	-	1.774	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	<b>2.083</b>	-	1.943	-	1.944	-	1.956	-	1.767	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	<b>1.856</b>	-	1.856	-	1.853	-	1.757	-	1.589	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)										
Pertumbuhan modal	-	<b>7.21%</b>	-	2.32%	-	-2.06%	-	10.36%	-	10.60%
(VIII) Jumlah pulangan (%)										
Satu tahun	-	<b>7.21%</b>	-	2.32%	-	-2.06%	-	10.36%	-	10.57%
Tiga tahun	-	<b>7.43%</b>	-	10.59%	-	19.51%	-	28.58%	-	23.82%
Lima tahun	-	<b>31.09%</b>	-	28.85%	-	33.83%	-	48.47%	-	42.73%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan										
– Deposit Mudharabah 12 Bulan (%)										
Satu tahun	-	<b>2.37%</b>	-	1.93%	-	1.61%	-	2.06%	-	2.94%
Tiga tahun	-	<b>6.03%</b>	-	5.71%	-	6.75%	-	8.15%	-	9.08%
Lima tahun	-	<b>11.40%</b>	-	12.01%	-	13.12%	-	14.80%	-	16.09%

# Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

## Dana i-Mekar

	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)
(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuiti patuh syariah										
Pertanian & Pelombongan	34,369,325	9.42%	31,106,307	9.62%	1,989,778	0.68%	3,057,088	1.24%	15,570,797	9.10%
Bahan Pembinaan/ Pembangunan	14,146,210	3.88%	16,701,700	5.18%	16,518,815	5.65%	14,120,640	5.72%	933,255	0.55%
Konglomerat	18,634,212	5.10%	9,746,620	3.01%	16,924,121	5.78%	13,135,761	5.32%	5,412,117	3.16%
Pembinaan	18,274,639	5.02%	10,114,565	3.13%	10,065,597	3.44%	14,207,298	5.76%	4,904,404	2.86%
Tenaga	7,292,895	1.99%	-	-	-	-	-	-	-	-
Kewangan	-	-	2,073,708	0.64%	3,539,400	1.21%	6,070,534	2.45%	1,901,680	1.11%
Infrastruktur	-	-	-	-	-	-	705,550	0.29%	-	-
Motor	5,047,424	1.38%	12,817,239	3.96%	8,704,788	2.98%	3,086,256	1.25%	5,698,792	3.32%
Minyak & Gas	28,708,213	7.86%	37,031,581	11.45%	37,330,095	12.76%	33,533,746	13.58%	27,443,266	16.04%
Lain-lain	27,209,092	7.46%	38,658,114	11.95%	27,904,654	9.54%	11,644,296	4.72%	5,420,500	3.17%
Lain-lain - Pembinaan	6,032,869	1.64%	7,411,705	2.28%	3,390,383	1.16%	14,358,366	5.81%	8,100,868	4.74%
Tenaga Kuasa	2,795,650	0.77%	-	-	-	-	-	-	-	-
Hartanah	10,616,620	2.91%	4,954,881	1.52%	8,990,085	3.07%	9,699,903	3.93%	18,398,662	10.75%
Institusi Kuasi-Kerajaan	2,050,935	0.56%	2,135,220	0.66%	2,572,965	0.88%	-	-	-	-
Teknologi	62,277,330	17.06%	25,008,447	7.72%	26,693,221	9.12%	14,526,485	5.88%	425,000	0.25%
Telekomunikasi	35,919,590	9.85%	43,571,579	13.48%	43,850,623	14.99%	43,261,171	17.52%	19,015,655	11.10%
Perdagangan & Peruncitan	4,480,782	1.23%	6,419,692	1.99%	9,244,477	3.16%	-	-	867,024	0.51%
Pengangkutan	5,481,120	1.51%	12,460,330	3.86%	15,533,103	5.31%	5,649,283	2.29%	8,606,479	5.03%
Utiliti	43,187,722	11.83%	21,525,338	6.66%	28,535,951	9.75%	33,025,070	13.38%	24,904,433	14.55%
	<b>326,524,628</b>	<b>89.47%</b>	<b>281,737,027</b>	<b>87.11%</b>	<b>261,788,056</b>	<b>89.48%</b>	<b>220,081,447</b>	<b>89.14%</b>	<b>147,602,932</b>	<b>86.24%</b>
Deposit dengan institusi										
kewangan Islam	7,000,000	1.93%	-	-	5,000,000	1.71%	29,900,000	12.11%	22,600,000	13.20%
Tunai dan baki bank	32,374,254	8.87%	35,377,562	10.99%	23,757,025	8.12%	614,109	0.25%	424,590	0.25%
Lain-lain asset/(liabiliti)	(967,108)	-0.27%	6,146,000	1.90%	2,011,974	0.69%	(3,736,033)	-1.50%	545,311	0.31%
Jumlah	<b>364,931,774</b>	<b>100.00%</b>	<b>323,260,589</b>	<b>100.00%</b>	<b>292,557,060</b>	<b>100.00%</b>	<b>246,859,523</b>	<b>100.00%</b>	<b>171,172,833</b>	<b>100.00%</b>



## Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

## Dana i-Mekar (sambungan)

	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	364,931,774	-	323,260,589	-	292,557,060	-	246,859,523	-	171,172,833	-
(III) Bilangan Unit	234,916,850	-	206,118,175	-	172,147,986	-	141,554,774	-	111,736,538	-
(IV) NAV setiap unit	1.553	-	1.568	-	1.699	-	1.744	-	1.532	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.679	-	1.679	-	1.777	-	1.760	-	1.579	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.422	-	1.422	-	1.628	-	1.226	-	1.433	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)										
Pertumbuhan modal	-	-0.84%	-	-8.42%	-	-2.77%	-	13.47%	-	5.89%
(VIII) Jumlah pulangan (%)										
Satu tahun	-	-0.84%	-	-8.42%	-	-2.77%	-	13.47%	-	5.89%
Tiga tahun	-	-11.70%	-	1.05%	-	16.83%	-	6.70%	-	7.45%
Lima tahun	-	6.09%	-	1.05%	-	18.55%	-	20.57%	-	12.84%
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - FBM100										
Satu tahun	-	0.46%	-	-10.80%	-	-6.81%	-	10.14%	-	3.85%
Tiga tahun	-	-16.49%	-	-8.45%	-	6.59%	-	-1.08%	-	-0.55%
Lima tahun	-	-4.48%	-	-17.77%	-	2.07%	-	2.80%	-	-4.47%

## Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

### Dana i-Majmuk

	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)
(l) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuiti patuh syariah										
Pertanian & Pelombongan	8,935,635	8.22%	7,652,470	7.94%	3,053,446	3.42%	3,834,202	4.92%	2,857,400	4.48%
Bahan Pembinaan/ Pembangunan	5,056,771	4.65%	4,400,008	4.55%	4,618,322	5.15%	4,230,238	5.42%	395,250	0.62%
Konglomerat	5,205,171	4.78%	4,237,616	4.37%	4,155,617	4.64%	2,673,428	3.43%	1,478,200	2.31%
Pembinaan	6,291,249	5.79%	4,155,009	4.31%	4,364,262	4.87%	3,089,804	3.96%	882,789	1.37%
Tenaga	340,860	0.31%	-	-	-	-	-	-	-	-
Kewangan	-	-	967,785	1.00%	290,540	0.32%	1,434,078	1.84%	939,000	1.47%
Infrastruktur	-	-	-	-	488,800	0.55%	-	-	-	-
Perkhidmatan Pelancongan	-	-	-	-	-	-	319,300	0.41%	-	-
Motor	46,216	0.04%	-	-	747,840	0.83%	-	-	2,008,200	3.15%
Minyak & Gas	7,426,013	6.82%	8,352,920	8.65%	11,240,356	12.54%	12,797,348	16.40%	6,549,575	10.27%
Lain-lain	3,127,392	2.88%	6,248,430	6.48%	7,007,965	7.83%	2,429,993	3.12%	1,486,900	2.33%
Lain-lain - Pembinaan	631,090	0.58%	1,822,227	1.92%	5,438,153	6.09%	10,908,549	14.00%	1,550,876	2.43%
Tenaga Kuasa	768,430	0.71%	-	-	-	-	-	-	-	-
Hartanah	3,848,788	3.54%	389,520	0.40%	1,317,599	1.47%	499,010	0.64%	2,272,300	3.56%
Institusi Kuasi-Kerajaan	-	-	884,260	0.92%	856,575	0.96%	1,103,380	1.41%	-	-
Teknologi	11,678,960	10.73%	8,805,051	9.10%	5,718,760	6.38%	6,318,155	8.10%	253,300	0.40%
Telekomunikasi	12,454,451	11.45%	9,988,712	10.34%	12,635,526	14.09%	6,945,612	8.90%	4,204,962	6.60%
Perdagangan & Peruncitan	74,011	0.07%	448,401	0.46%	867,160	0.97%	855,380	1.10%	-	-
Pengangkutan	2,302,182	2.12%	1,635,688	1.70%	3,462,225	3.86%	1,738,110	2.23%	668,000	1.05%
Utiliti	8,003,117	7.35%	4,141,872	4.28%	5,699,926	6.36%	5,140,093	6.59%	7,028,300	11.01%
	<b>76,190,336</b>	<b>70.04%</b>	<b>64,129,969</b>	<b>66.42%</b>	<b>71,963,072</b>	<b>80.33%</b>	<b>64,316,680</b>	<b>82.47%</b>	<b>32,575,052</b>	<b>51.05%</b>
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid										
Bahan Pembinaan/ Pembangunan	1,013,990	0.93%	-	-	-	-	-	-	-	-
Lebuh raya	1,159,850	1.07%	-	-	-	-	-	-	-	-
Kewangan	2,030,110	1.86%	-	-	-	-	-	-	-	-
Tenaga Kuasa	1,019,660	0.93%	-	-	-	-	-	-	-	-
Hartanah	1,002,000	0.92%	1,005,000	1.04%	1,031,940	1.15%	1,059,520	1.36%	1,030,690	1.62%
Telekomunikasi	4,013,670	3.69%	2,903,840	3.01%	1,951,160	2.18%	2,068,480	2.65%	2,670,450	4.19%
Pengangkutan	-	-	142,740	0.15%	154,370	0.17%	-	-	-	-
	<b>10,239,280</b>	<b>9.40%</b>	<b>4,051,580</b>	<b>4.20%</b>	<b>3,137,470</b>	<b>3.50%</b>	<b>3,128,000</b>	<b>4.01%</b>	<b>3,701,140</b>	<b>5.81%</b>

## Perbandingan Prestasi Dana (sambungan)

## Dana i-Majmuk (sambungan)

	2023 (RM)	2023 (%)	2022 (RM)	2022 (%)	2021 (RM)	2021 (%)	2020 (RM)	2020 (%)	2019 (RM)	2019 (%)
Aset berisiko rendah										
Terbitan Kerajaan	2,042,700	1.87%	-	-	-	-	3,315,030	4.25%	13,062,500	20.47%
Deposit dengan institusi										
kewangan Islam	10,000,000	9.19%	12,000,000	12.39%	5,000,000	5.58%	7,000,000	8.95%	14,600,000	22.88%
Tunai dan baki bank	18,980,948	17.45%	13,876,665	14.36%	9,513,545	10.62%	620,752	0.80%	90,619	0.14%
